

3 langkah atasi masalah air busuk Sri Manja

PETALING JAYA: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menetapkan tiga langkah untuk menyelesaikan masalah bau busuk berikutan limpahan air larut resap (leachate) dari bekas lombong yang pernah menjadi tapak pelupusan sampah di Taman Sri Manja, di sini.

Langkah itu termasuk meminta Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) menghentikan pembangunan di sekitar kawasan berkenaan dan mengalihkan enam aliran longkang utama ke lombong berkenaan ke tempat lain.

Lombong berkenaan kini menjadi pusat rawatan leachate melalui kaedah biologiikal seperti menimbus batu bata dan membubuh bahan kimia bagi mengurangkan bau busuk kawasan itu.

Satu lagi langkah yang dicadangkan meminta MPPJ merawat longkang besar yang menyambungkan lombong dengan Sungai Klang bagi mengelak leachate mengalir ke sungai berkenaan.

Langkah itu dikemukakan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid kepada MPPJ ketika mengadakan lawatan ke kawasan berkenaan petang semalam.

Ketika ditemui pemberita, Azmi berkata, berikutan kawasan berkenaan bekas pusat pelupusan sampah, leachate berlaku setiap kali hujan walaupun ada langkah untuk merawat bekas lombong berkenaan.

Katanya, sebagai penyelesaian, MPPJ perlu menghentikan semua pembangunan di kawasan berkenaan dan melakukan rawatan bagi memulihkan kawasan penempatan penduduk.

"Hanya ini dapat kita lakukan kerana Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Pindaan 1996) tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap isu pencemaran alam sekitar, termasuk masalah leachate ini.

"Kementerian juga sedang mengkaji semula akta ini bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap pengendali pusat pelupusan sampah lama yang menyebabkan pencemaran," katanya.

Azmi berkata, beliau bersimpati dengan nasib penduduk di kawasan berkenaan dan cuba mengambil beberapa tindakan.

Katanya, beliau akan menulis surat kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo dan MPPJ mengenai perkara itu serta cadangan bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

"Penguatkuasaan terletak di tangan majlis perbandaran dan merekalah yang sepatutnya bertindak," katanya.

Lawatan Azmi ini berikutan aduan lebih 5,000 penduduk sekitar Taman Sri Manja yang mengadu mengalami masalah bau busuk berikutan leachate dari lombong yang pernah menjadi tempat pelupusan sampah.